



UPM sebagai pemacu kemajuan negara – Sultan Selangor



D.Y.M.M Tuanku Canselor UPM menyampaikan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Ekonomi) kepada Dr. Surin Pitsuwan pada sesi satu Konvokesyen UPM kali ke-32.

SERDANG, 18 Okt – Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah kejayaan UPM di peringkat negara dan antarabangsa dalam pelbagai bidang telah memberi sumbangan besar kepada masyarakat di negara ini.

Baginda berkata UPM berkongsi kekayaan ilmiah melalui kajian yang dijalankan dan mengandakan usaha proaktif dalam menangani permasalahan yang bertukar selain mendampingi masyarakat.

"Isu seperti pemanasan global, krisis makanan, kesan kenaikan harga minyak, perubahan cuaca, kegawatan ekonomi, masalah sosial, kekeliruan politik dan masalah perpaduan perlu ditangani dengan nilai intelektual.

"Beta ingin melihat sumbangan UPM mampu memberi kesan kepada masyarakat global dan relevan dengan agenda pembangunan negara seperti pembangunan produk halal," titah baginda pada Majlis Konvokesyen UPM ke-32 di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS), UPM.

Titah baginda, inisiatif UPM menubuhkan Institut Penyelidikan Produk Halal diharap akan dapat memberi sumbangan besar dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai hab halal bertaraf dunia.

Sultan Sharafuddin juga gembira dengan tindakan UPM untuk muncul sebagai universiti bertaraf dunia dengan memilih menjadi "Peneraju Dunia dalam Pertanian Tropika Baru".

"Eksplotasi kajian untuk penyelesaian masalah dan merungkil kekusutan masyarakat perlu dijadikan agenda penting dalam fungsi universiti ini," titah baginda.

Pada majlis sama, baginda berkenan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi kepada Setiausaha Agung ASEAN, Dr. Surin Pitsuwan berdasarkan sumbangannya sebagai negarawan tersohor di ASEAN.

Turut menerima ijazah ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Komunikasi Kemanusiaan pada sesi pertama majlis konvokesyen itu.

Pada majlis kali ini, Hadiah Pingat Emas Canselor UPM dianugerahkan kepada graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, Aini Marina Ma'rof. Keseluruhan 7,846 graduan menerima diploma dan ijazah pada konvokesyen selama lima hari tersebut. Dalam perkembangan lain, Sekretariat ASEAN akan mengadakan kerjasama dengan UPM untuk menjalankan pelbagai penyelidikan dalam bidang ekonomi dan sosial bagi membentuk ko-ekonomi ASEAN, kata Setiausaha Agungnya, Dr. Surin Pitsuwan kepada pemberita dalam sidang media selepas dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Ekonomi) oleh UPM.

Surin memberitahu, ahli-ahli akademik UPM telah banyak menjalankan pendidikan dalam pelbagai bidang dan ia boleh digunakan oleh ASEAN untuk melaksanakan pelbagai program di negara anggota.

"ASEAN percaya ahli akademik merupakan penyumbang idea utama dalam menjadikan ASEAN yang mempunyai 750 juta penduduk sebagai sebuah rantau yang membangun, maju dan menguasai ekonomi dunia," katanya.

Sementara itu, Tan Sri Dr. Nayan Ariffin berkata universiti perlu menjadi agen sosialisasi yang menggalakan perpaduan negara dan membantu membentuk pandangan positif dunia di kalangan pelajar apabila mereka tamat pengajian kelak.

Befiau yang juga Pro-Canselor UPM berkata bahawa universiti harus memainkan peranan utama barisan hadapan menangani cabaran perpaduan melalui aktiviti penyelidikan.

"Ilmu pengetahuan dan inovasi penyelidikan tidak akan bermakna sekiranya ia tidak dapat dinikmati bersama dalam keadaan aman oleh semua rakyat tanpa mengira kepelbagaian latar belakang etnik.

"Para graduan yang bakal menjadi pemimpin dan pewaris kepimpinan pada masa hadapan seharusnya berusaha bersungguh-sungguh bagi memastikan tamadun yang dibina berkekalan kepada masyarakat dan negara," katanya ketika merasmikan konvokesyen UPM sesi kedua pada hari yang sama.

Bagi sesi pertama dan kedua 18 Oktober 2008, seramai 176 graduan dikurniakan ijazah doktor falsafah (PhD), 31 ijazah sarjana, 506 ijazah Baccelor dan tiga diploma.



Tan Sri Dato' Dr. Nayan Ariffin menyampaikan ijazah kepada graduan pada Majlis Konvokesyen UPM ke-32.

Oleh: Unit Media, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia